

Ambil alih UEM, Renong pasti kan pekerja tidak dibuang

UM 26 JUL 2001

KUALA LUMPUR 25 Julai -- Langkah kerajaan mengambil alih United Engineers (M) Bhd. (UEM) dan Renong Bhd. akan memastikan tidak berlaku pembuangan pekerja di kedua-dua syarikat terbabit.

Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda UMNO, Said Anuar Said Ahmad berkata, perkara itu boleh berlaku kerana dua syarikat berkenaan kini menghadapi risiko berikutan jumlah pinjaman korporatnya yang melebihi RM20 bilion.

"Jika kerajaan tidak bertindak awal mengambil alih UEM dan Renong, golongan terbesar yang akan menjadi mangsa ialah beribu-ribu kakitangan syarikat berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai tawaran pengambilalihan dua syarikat berkenaan yang dibuat oleh Danasaham Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Khazanah Nasional Bhd.

Sekiranya UEM dan Renong bermasalah, katanya, ia juga akan menjejaskan syarikat kecil yang banyak bergantung kepada dua syarikat terbabit bagi mendapat kontrak.

Said Anuar menjelaskan, jika pengambilalihan itu tidak dilakukan, penutupan atau kebangkrapan UEM dan Renong juga akan menyebabkan penurunan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan teruk.

"Ini akan menghilangkan keyakinan pelabur terhadap BSKL," tegasnya.

Beliau juga berkata, campur tangan kerajaan dalam pengambilalihan UEM dan Renong perlu dilihat sebagai usaha untuk memastikan kemudahan infrastruktur tidak terganggu dan menjamin keselesaan berterusan kepada rakyat.

Ini kerana kedua-dua syarikat itu sedang menjalankan banyak projek infrastruktur.